

10 OCT 1997

KELAB SENATOR YAKIN DR MAHATHIR MAMPU ATASI KRISIS

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Kelab Senator Malaysia berkeyakinan penuh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mampu menyelesaikan masalah kewangan yang dihadapi negara sekarang.

Timbalan Presidennya Senator Datuk Mohd Zuki Kamaluddin berkata, anggota majlis kelab itu yang bermesyuarat di Parlimen hari ini mengambil ketetapan menyokong pendirian Dr Mahathir untuk meneruskan usaha memerangi masalah ekonomi sekarang.

"Kami berdiri teguh di belakang kepemimpinan Perdana Menteri dan mendokong usaha yang akan dilaksanakan oleh kerajaan menyelesaikan kemelut yang sedang dihadapi sekarang," katanya dengan membacakan kenyataan tiga perenggan pada persidangan berita di sini.

Semua anggota kelab itu, yang dianggotai semua senator dan bekas senator, berdoa supaya Dr Mahathir diberi kekuatan untuk terus menerajui kepemimpinan kerajaan demi kedaulatan, agama, bangsa dan negara.

Ketika menjawab soalan beliau berkata mesyuarat itu, yang dihadiri 12 anggota majlis kelab itu turut bersetuju untuk memohon supaya persidangan Dewan Negara Disember ini dilanjutkan dua hari untuk membolehkan semua senator turut membincangkan penyelesaian masalah ekonomi negara.

"Saranan dan cadangan kami akan kami kemukakan pada persidangan itu nanti," katanya. -- BERNAMA

MNY PR